


SULIT



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBG 33203
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

- S1 (a) Terangkan perbezaan di antara era maklumat dan era perindustrian.  
(5 markah)
- (b) Tujuh aplikasi utama (flagship) telah dikenalpasti di Koridor Raya Multimedia (MSC). Huraikan dua aplikasi berikut:
- i) Sekolah Bestari
  - ii) Kerajaan Elektronik
- (20 markah)
- S2 (a) Terangkan tentang Sistem Maklumat Berkomputer.  
(5 markah)
- (b) Anda merupakan seorang perunding pengurusan dan dijemput oleh jawatankuasa pentadbiran di sebuah sekolah rendah bagi mengenalpasti punca kejatuhan prestasi pelajar sekolah berkenaan. Pihak sekolah mendapati bahawa disiplin pelajar merupakan masalah kepada mereka. Huraikan kaedah cadangan penyelesaian kepada masalah tersebut berdasarkan kepada model dan pendekatan sistem maklumat.  
(20 markah)
- S3 (a) Terangkan rupa bentuk kecanggihan sistem maklumat pada masa depan dan impaknya dalam bidang pendidikan.  
(5 markah)
- (b) Sistem maklumat sangat penting untuk membantu proses pendidikan dalam memperolehi dan memberikan maklumat atau data dalam masa yang singkat. Buktikan penggunaan sistem maklumat ini mampu meningkatkan produktiviti organisasi sekolah.  
(20 markah)
- S4 (a) Terangkan dengan gambar rajah hubungan di antara sesebuah organisasi dengan komponen sistem maklumat.  
(5 markah)
- (b) Huraikan cabaran-cabaran utama pihak pengurusan yang terlibat dalam pembinaan, operasi dan penetapan sistem maklumat pada hari ini.  
(20 markah)

- S5 (a) Terangkan mengapa pengurus di sesebuah sekolah perlu mempelajari sistem maklumat.  
(5 markah)
- (b) Huraikan dimensi-dimensi organisasi, pengurusan dan teknologi sistem maklumat di sesebuah sekolah.  
(20 markah)
- S6 (a) Terangkan bagaimana sistem maklumat boleh mengubah proses pengurusan.  
(5 markah)
- (b) Anda merupakan seorang guru besar di sebuah sekolah rendah. Huraikan secara terperinci satu cadangan aplikasi sistem maklumat baru yang perlu dilaksanakan di sekolah anda dan berikan justifikasi kepentingannya.  
(20 markah)